



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK SHAFFIE BIN ABDULLAH
PEMBUAT KRAF BOT TRADISIONAL PULAU DUYONG**

OLEH:

**MUHAMMAD DANIAL BIN MOHD KHALIL 2014659284
SYED MOHD AISAR BIN SYED MOKHLIS 2014812914**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK SHAFFIE BIN ABDULLAH
PEMBUAT KRAF BOT TRADISIONAL PULAU DUYONG

OLEH:

MUHAMMAD DANIAL BIN MOHD KHALIL 2014659284
SYED MOHD AISAR BIN SYED MOKHLIS 2014812914

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)

PENGHARGAAN

Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat juga kami menyempurnakan tugas bagi subjek IMR604 : Oral Documentation ini. Sepanjang menjalankan kerja kursus ini, kami telah memperoleh pelbagai pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang kami perolehi sepanjang menjalankan tugas ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup kami.

Justeru itu, kami juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan lebih terperinci lagi berkaitan tugas ini iaitu satu temubual bersama Encik Shaffie Bin Abdullah “Pembuat kraf bot tradisional Pulau Duyong”. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu, Madam Nurulannisa Binti Abdullah kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menjalankan ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu kami dalam usaha menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan ini.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua, tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian terima kasih.

.....
Muhammad Danial Bin Mohd Khalil
Penemubual

.....
Syed Mohd Aisar Bin Syed Mokhlis
Penemubual

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Pengenalan Awal Latar Belakang Beliau.....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan Awal.....	05
Bahagian 3: Sejarah Pekerjaan Awal.....	07
Bahagian 4: Pengalaman Dalam Bidang Kraf Bot Tradisional.....	10
Bahagian 5: Kerjaya Terkini.....	21
Bahagian 6: Pesanan dan Harapan.....	23
Rujukan.....	26
Lampiran	
Log Wawancara.....	27
Diari Kajian.....	32
Senarai soalan.....	34
Surat Perjanjian.....	38
Gambar.....	39
Indeks.....	

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh pertukangan bot tradisional iaitu Encik Shaffie Bin Abdullah dan pelajar dari Fakulti Pengurusan Maklumat, Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai tokoh pertukangan bot tradisional untuk dijadikan bahan sejarah dan rujukan kepada penyelidik, pelajar dan untuk generasi akan datang. Temubual ini dijalankan di Pulau Duyong yang terletak di Kuala Terengganu. Pulau Duyong merupakan tempat yang tidak asing dalam sector pertukangan bot dan kawasan nelayan. Hasil dari temubual ini adalah dapat mengenal pasti jenis-jenis bot tradisional di Terengganu yang begitu unik dari segi pembinaan yang tidak menggunakan pelan. Dapat mempelajari cara pembuatan bot tradisional dan sebagainya.*

Kata kunci: *Pulau Duyong, Bot Tradisional, Fakulti Pegurusan Maklumat,*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH

Nama penuh beliau adalah Shaffie Bin Abdullah, atau dikenali sebagai Pak Awi tukang bot di sekitar Pulau Duyong dan Terengganu. Beliau dilahirkan pada tanggal _____ di kampung setiu Terengganu dan kini menetap di kampung besar Pulau Duyong dan umur beliau adalah 66 tahun. Beliau berkahwin dengan seorang wanita dari negeri Kedah dan sekarang mempunyai lapan orang anak. Beliau lahir dalam keluarga pembuat bot tradisional iatu ayah beliau, Encik _____ telah memberi banyak dorongan dan minat untuk beliau menceburi bidang kraf pertukangan bot tradisional ini. Minat beliau dalam bidang ini mula dipupuk sejak kecil lagi kerana dorongan ayah beliau dalam bidang ini. Setelah tamat pengajian beliau menjadi nelayan untuk seketika dan pada masa yang sama beliau mempelajari ilmu pertukangan bot tradisional dari ayahnya. Beliau mula bergiat aktif dalam bidang ni pada umur 25 tahun dan mengambil alih bengkel milik ayah beliau. Hampir 40 tahun dalam bidang kraf bot tradisional in beliau banyak membantu pelancong-pelancong asing dan para pelajar apabila mereka datang untuk mendapatkan maklumat mengenai bot tradisional ini. Beliau telah membina pelbagai jenis bot tradisional khususnya bot nelayan dan bot yang pernah dibinanya sepanjang 80 kaki hingga 100 kaki dan dalam lingkungan harga mencecah RM 500,000 hingga RM 1 juta.

Ringkasan biodata Shaffie Bin Abdullah

Nama penuh	: Shaffie bin Abdullah
Umur	: 66 tahun
Tarikh Lahir	: _____
Tempat tinggal	: _____
Status perkhawinan	: Berkahwin
Agama/bangsa	: Islam/Melayu
Bidang	: Tukang kraf bot tradisional
Pendidikan	: Tingkatan 2
No telefon	: _____

PENGENALAN

PENGENALAN

Pulau Duyong, adalah sebuah pulau yang terletak di muara sungai Terengganu di negeri Terengganu. Pulau Duyong terbahagi kepada dua bahagian iaitu Duyong besar dan Duyong kecil. Sejarah membuktikan bahawa Terengganu sangat terkenal dengan pelayaran sejak dari dahulu lagi. Selain Pulau Duyong menjadi pusat perkembangan islam di Kota Lama Duyong yang menjadi tempat persinggahan dan penginapan para ulama yang tersohor seperti Tok Sheikh Duyong. Selain daripada itu Pulau Duyong juga sangat terkenal dari seluruh negara dan dunia kerana kraf pembuatan bot tradisional yang begitu unik dari pelbagai sudut sebagai contoh dari sudut pembinaan yang tidak memerlukan pelan pembinaan, dan tidak menggunakan paku untuk meyambungkan bahagian bot atau kapal tersebut dengan hanya menggunakan pasak kayu. Bot tradisional yang dibina oleh tukang-tukang di Pulau Duyong ini seperti kapal layar, bot pinas, sekoci, bot nelayan, kapal mewah dan lain-lain jenis bot yang dibina di Pulau Duyong mencecah pebelanjaan hampir jutaan ringgit. Di Pulau Duyong menempatkan 30 buah bengkel pembuatan bot tetapi kerana faktor kurang permintaan dan minat terhadap bot tradisional. Hanya tinggal beberapa buah bengkel yang masih meneruskan perniagaan mereka sebagai contoh Encik Shaffie Bin Abdullah atau dikenali sebagai Pak Awi dan lain-lain lagi. Para pelancong asing bergitu kagum dengan seni bot tradisional yang dihasilkan oleh para pembuat bot di Pulau Duyong ini dan mereka sangat mengagumi seni ini sebagai contoh warga Jerman Christoph Swoboda yang memiliki sebuah bot pinas yang diberi gelaran Naga Pelangi II yang berukuran 95 kaki panjang yang mengambil masa 6 tahun untuk membina bot tersebut. Beliau ditemui di Pulau Duyong sebelum memulakan pelayaran ke Pulau Langkawi amat tekejut dengan perubahan, kerana pada waktu dahulu terdapat kira-kira 30 bengkel membuat bot, tetapi kini hanya tinggal tiga bengkel sahaja lagi. (Bernama, 2011).

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang dijalankan oleh Muhammad Danial Bin Mohd Khalil dan Syed Mohd Aisar Bin Syed Mokhlis bersama Encik Shaffie Bin Abdullah mengenai pengalaman beliau sebagai seorang tokoh pembuat bot tradisional . Temubual ini dijalankan di perkarangan rumah beliau pada 16 November 2015

Petunjuk:

SA : Shaffie Abdullah

MD : Muhammad Danial

SMA: Syed Mohd Aisar

BAHAGIAN 1: PENGENALAN AWAL LATAR BELAKANG BELIAU

MD : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, *okay* (baiklah). Soalan pertama dari saya, apakah nama penuh Pak Awi?

SA : -Nama penuh Pak Awi, Shaffie Abdullah, - Shaffie Bin Abdullah, Kampung Duyong Besar, 3550 Duyong Besar, Kuala Terengganu.

MD : Nama timangan?

SA : Nama orang kampung panggil, Pak Awi tukang bot. Kalau tak Pak Awi lain orang tak jumpa. Pak Awi tukang bot, Pak Awi tukang motor [bot] lah. Makna gitu [begitu].

MD : Nama penuh isteri Pak Awi?

SA : Fauziah Binti Deris. Bukan Muda, Deris.

MD : Orang mana? Berasal dari mana?

SA : Dia orang Kedah lah asal.

MD : Pekerjaan isteri Pak Awi?

SA : Dia-ada jual [berniaga] sikit-sikit la, bekerja sendiri.

MD : Pak Awi dilahirkan pada tahun berapa?

SA : -Tak ingat lah-49 [sembilan belas empat puluh sembilan]. 17/11/1949 rasanya kalau tak salah.

MD : Dimanakah Pak Awi dilahirkan?

SA : Di Pulau Duyong ni lah.

MD : Membesar?

SA : Di Pulau Duyong juga.

MD : Pak Awi ni anak yang ke berapa dalam keluarga?

SA : Kira anak yang ke-6 [enam] lah, anak bongsu (ketawa).

MD : Nama ibu Pak Awi?

SA : Azizah Binti Salleh.

MD : Nama ayah Pak Awi?

SA : Abdullah Bin Embung.

MD : Adik beradik Pak Awi berapa orang?

SA : Buat masa ini lah, 6 [enam] orang.

MD : Pak Awi dikurniakan cahaya mata berapa orang?

SA : Lapang [lapan] orang.

MD : Soalan seterusnya, berapakah umur mereka dari sulung sehingga bongsu?

SA : Yang sulung dalam 30 [tiga puluh] tahun.

MD : Yang bongsu?

SA : Yang bongsu dalam lebih kurang 18 [lapan belas] tahun.

MD : Tahap pendidikan anak-anak Pak Awi.

SA : Yang masuk universiti 3 [tiga] orang, yang kerja dah cikgu 2 [dua] orang, lepas tu Jabatan Kebajikan Masyarakat seorang, lepas tu Maritim seorang, warden jel penjara seorang, misi [jururawat] seorang, 6 [enam] orang kerja kerajaan buat masa ini lah, yang lagi dua orang tu kerja sendiri lah duduk dirumah, yang seorang tu anak yang nama Anang tu, nombor 7 [tujuh] tu,...nombor 7 [tujuh] apa nombor 6 [enam], duduk dengan Pak Awi, kerja dengan Pak Awi. Nak didik dia macam mana buat bot.

MD : Ok soalan seterusnya apakah hobi Pak Awi sekiranya ada masa terluang?

SA : Bila sampai peringkat berumur macam ini, hobi-hobi ni ke masjid la petang-petang. Nak main [pergi] pantai tak munasabah dah, umur pencen kata orang, umur subsidi[berumur] dah (ketawa).

MD : Petua Pak Awi dalam mendidik anak-anak sehingga berjaya dalam hidup mereka?

SA : ___ tiap-tiap kali kita makan, makan sama-sama kita cerita sikit, dakwah sikit, bagi tazkirah sikit. Kita kena mengaji elok-elok kalau boleh, ada peluang. Kalau tak cerdik orang hina kita. Begitulah. Walaupun Pak Awi tak ada pelajaran, tapi Allah taala bagi akal tu untuk didik anak, cari makan. Makan beramai-ramai dengan tazkirah sikit. Pesan mengaji elok-elok, sembahyang jangan tinggal. Itu sahaja pokoknya.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL

SMA : Ok dimanakah Pak Awi bersekolah rendah?

SA : Di Pulau Duyong, di sinilah.

SMA : Dimanakah Pak Awi bersekolah menengah?

SA : Masa tu bersekolah di Sekolah Sultan Sulaiman petang, (ketawa) Sekolah Sultan Sulaiman tak dang nak habis [tak sempat menghabiskan].

SMA : Bagaimanakah suasana pembelajaran ketika itu?

SA : Pak Awi masa tu - setakat SE [UPSR] iye la kate [kata] orang, pastu [selepas itu] dok [tak] sambung-sambung pastu kerja selalu, sambung-sambung buat bot selalu, buat sama dengan ayah sampai ke harini. Tak mengaji tinggi lah (ketawa). Makna nak ringkas kan cerita sekak [sampai] darjah enam je lah. Sambung sekejap di Sekolah Sultan Sulaiman petang tu, lepas itu balik berkerja bersama ayah, makna belajar buat bot bersama ayah

SMA : Seterusnya bagaimana sistem pendidikan ketika itu?

SA : Sekak tu jela [sampai di situ sahaja] masa yang hok kabo sakni lah [yang diberitahu sebentar tadi] tak sambung belajar lagi la (ketawa). Tapi tu atas pada kita, atas kebolehan kita, hok kita dok [tak] boleh setakat tu jela (ketawa) anak-anak la pulak, Alhamdulillah anak-anak ada yang berjaya.

SMA : - Apakah kenangan manis yang tidak dapat Pak Awi lupakan sepanjang pengajian?

SA : Hok tu dok [yang tu tak] termasuk lah sebab Pak Awi mengaji sekejap je [sahaja]. Kalau sambung mengaji mungkin boleh la rasa pahit manis, ni setakat, sekadar darjah 6 [enam] dan sambung ke sekolah Sultan Sulaiman sekejap, makna lepas tu [itu] balik bekerja dengan ayah buat bot, sambil-sambil belajar buat bot sambil tu [itu] pergi ke laut jadi nelayan dan sampai ke harini.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: SEJARAH PEKERJAAN AWAL

SMA : Apakah pekerjaan awal Encik setelah tamat pengajian?

SA : Dia biasa, orang Pulau Duyong ni, tempat nelayan ork [kan], maknanya tempat nelayan ke laut la. Budok-budok mase tu dang takdok[tiada] mende[benda] tumpang-tumpang ke laut, _ mase tu, _ dia ramai, dia banyak bidang, tiga empat bidang gok [juga] _ sini, hok [yang] berhenti sekolah ni dia ke laut, lepas tu sambil-sambil hok [yang] ni minat askor [askar], minat polis, minat keje[kerja] sendri macam pok Awi ni, haa tu lah [itu la], kebanyakan kelaut lah jadi nelayan ataupun tukang rumah, hok tukang rumah tu kediang la [kemudian la]. Selepas itu nak cari keje[kerja], tidak ada keje[kerja] mudah, kalau [kalau] tukang rumah ni kena belajar[belajar] dulu, sambil-sambil belajar[belajar] sambil-sambil keje[kerja], haa makna gitulah [macam itu lah]. Yang pokoknye jadi nelayan dulu (ketawa) lepastu baru lah, dah - dah besar tu, dah umur nikat (umur meningkat) masing-masing cari la jalan. Hok ane agor minat nege-nege [yang berminat untuk berniaga], minat askor, mitok askor [mintak askar], minat polis, mitok polis [mintak polis] hok gitu [seperti itu]. Hok macam Pok Awi ni minat tukang bot, jadi tukang bot sampai ke harini.

SMA : Berapa lamakah Pak Awi berkerja disitu?

SA : Kalau dok saloh [tak salah], paling dok [tak] dalam jangka 40 [empat puluh] tahun buat bot pada tu (ketawa) 40, pencen doh [dah] kalau ikot mende gitu [ikutkan hal tersebut]. [kalau ikutkan dah besara].

SMA : Apakah sumbangan Pak Awi sepanjang berkhidmat pada waktu tersebut?

SA : Jadi gini [macam ini], sumbangan takdok [tiada] sumbangan la. Jadi macam pelancong tu tolang selalu sangat, makna [contoh] pelancong yang mari melawat Pak Awi buat bot, makna sumbangan tu jela, sumbangan banyak tak ada lah kebanyakan tu jelah, kalau pelajar mari interview [temubual] gitu gini [macam itu macam ini].

SMA : Seterusnya, mengapakah Pak Awi berminat untuk menceburi bidang tersebut sebagai bidang perkerjaan?

SA : Jadi, ia zaman-zaman dulu kebanyakan tradisi, dia pok dia, ayah dia buat bot, banyak anak dia memang ada hok menurun dan menganti hok [yang] kurang boleh sikit lah, hok [yang] kurang boleh mengaji makna gitu [macam itu]. Yang boleh mengaji [melanjutkan pengajian] ada yang pergi universiti, pergi kerja mana-mana, macam tu lah yang anak-anak sakni [tadi], adik beradik Pak Awi cikgu pun ada, makna gitu. Macam Pak Awi ni Allah Taala bagi kurang boleh sikit belajar, minat ke alu [ke arah] tukang bot ni (ketawa).

SMA : Bilakah encik mula bergiat dalam bidang kraf bot tradisional?

SA : Yea [dia] dalam lingkungan umur 25 tahun, lebih kurang itu la. Pah[sampai] ke hari ni, betul la 40 ork. [kan] (ketawa) masa itu buat sama ngan [dengan] ayah, ayah buka kecik-kecik [secara kecil-kecilan] makna ikut ayah la . Masa tu tak macam harini, tak macam *order* (tempahan) harini, dulu nak buat tak apa, kita

buat-buat dulu pahtu [lepas itu] ada orang mari beli sekarang tak boleh, sekarang kena angkat permohonan dulu mintak lesen mende ni [pekara ini] melainkan kita dah ada lesen baru boleh buat maknanye. Dulu tak payah, dulu [dahulu] buat dulu baru kita jual, sekarang tak boleh, sekarang ada tempahan baru kita boleh buat. Maklum saja la, bukan modal sikit, modal ratus-ratus ribu nak buat dulu mana boleh, makna gitu [maknanya itu]

SMA : Apakah faktor yang mendorong Pak Awi untuk bergiat dalam bidang kraf bot tradisional?

SA : Faktor ni didikan ayah lah, makna gitu [macam itu].

SMA : Mengapakah Pak Awi berminat untuk mendalami bidang kraf bot tradisional?

SA : Makna memang minat lah (ketawa) memang minat, masa kecil-kecil dulu. Bab nye [sebab nya] air deras, kapal ikan, hok main olor, air hulu turun tu kan air deras tu jadi dia turun. Jadi minat tu dari kecil-kecil dulu. Masa tu kain, baju seluar tak pakai gok [juga] (ketawa) masa kecil-kecil dulu. Lepastu buat di lori tu, lori apa ni, lori kayu tu, makna eret [heret] tali tu. Makna Pak Awi ingat agi [lagi] la. Makna nak kate [kata] dulu dah ada dah bakat (ketawa) bakat tu ada dah makna gitu [macam itu].

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN DALAM BIDANG KRAF BOT TRADISIONAL

MD : Soalan seterusnya Pak Awi. Bilakah Pak Awi mula berjinak dalam bidang kraf bot tradisional ini?

SA : Rasa-rasa lama dah la. Rasa lepas pada sekolah, berjinak dengan ayah. Mula-mula masa tu ketang papang [ketam papan], berjinak buat pasok [pasak]. Tak pandai lagi nak buat kerja. Masa tu peralatan mesin tak ada lagi. Dipanggil ketam tangan. Ketam guna tangan. Sekarang ni dah ada alat-alat canggih memang ringan lah kerja. Dulu teruk, sebab tu orang muda sekarang ni manja. Dulu lasak sungguh orang-orang muda dulu. Begitulah.

MD : Soalan seterusnya, adakah Pak Awi ada menyediakan kursus kraf bot tradisional untuk sesiapa yang berminat?

SA : Tiada. Macam Haji Lah [Haji Abdullah Bin Muda] sebelah tu ada [bengkel bersebelahan]. Tapi nak kata kursus, 2 tahun pun tak pandai lagi. Makan masa. Kalau nak kursus, kena ada projek. Sebab apa, kayu akan banyak musnah. Banyak hok [yang] tak pakai. Kalau buat rumah tu lain, kalau pakai 1 [satu] kaki, 1 [satu] kaki tu boleh pakai. Kalau macam yang ini, nak pakai 10 [sepuluh] kaki, kadang-kadang kena kerat serong macam ini. Jadinya banyak rosak. Katakanlah kalau 1 tang [tan], yang boleh pakainya makan sikit daripada yang tu. Yang lain banyak rosak. Kalau kata nak belajar, kena ada projek. Kalau tak ada projek, susah lah. Yang budak-budak baru nak belajar ni, yang sempat boleh lah. Kalau tak sempat, belas-belas tahun baru boleh jadi [mahir]. Itupun kalau tukang betul-betul. Duduk dalam kepala otak [minda] walaupun tak ada plan. Dang pulok [tambahan pula],

bot tu lain-lain, bukan sama macam tu saja. Ini bot pancing, buat cara pancing. Bot pukut tunda, buat cara bot pukut tunda. Jadi ia berlainan. Nama sama, bot pantai batu belaka. Tapi cara buatang [buatan]. Cara buat tu lain. Sebab tu sesetengah budak-budak baru hari ini dia geram tengok pitih [duit], nak buat ngepuh [ubah suai] etep [juga], buat kadang-kadang tak sesuai. Sebab apa, ilmu tak cukup lagi. Bukan kata Pak Awi nak ego, tak. Maknanya dia kena belajar habis dahulu, dah boleh 100% [seratus peratus] baru dia boleh buat banyak kerja. Kalau tak, naya lah orang. Orang habis beratus-ratus ribu buat tak sempurna. Rumah lain, rumah bubuh [letak] simen jadi lalu [terus] (ketawa).

MD : Soalan seterusnya Pak Awi.

SA : Nombor berapa?

MD : Nombor 40 [empat puluh].

SA : Nombor 40? (ketawa).

MD : Buat masa sekarang adakah terdapat sebarang projek yang Pak Awi jalankan disepanjang tempoh terdekat ini?

SA : Buat masa ini, tak ada lagi. Yang lepas-lepas tu ada lah tiap-tiap tahun. Sekarang tak ada orang tempah lagi. Sebab apa, kayu payah dapat dan mahal, barang mahal. Itu sahaja lah.

MD : Apakah tugas yang paling berat dan mencabar bagi Pak Awi sepanjang berada dalam bidang kraf bot tradisional ini?

SA : Tugas yang paling berat sekali ialah kos barang ni lah. Sebab tu kalau kita ambil harga 20 [dua puluh] sen katakan, kita nak beli barang keesokannya harga dah naik 25 [dua puluh lima] sen dah. Harga barang tak menentu. Nak tetapkan tu tak berani. Melainkan nak mudah, nak ringkas cerita dan tak mahu fikir banyak, ambil upah sahaja. Kalau timbul konflik sekali, bahaya. Sebab apa, hari ni 20 [dua puluh] sen, esok 25 [dua puluh lima] sen barang hari ini. Barang tu tak menentu. Itu yang bimbang. Dang pulok [tambahan pula] tuan dia nak ikut harga kita. Dah mu [kamu] janji 20 sen, mu [kamu] janji 250,000 [dua ratus lima puluh ribu], mana nak tambah 50,000 [lima puluh ribu]. Tak padan. Kena tengok harga barang. Tengok contoh, kayu Pak Awi beli baru ni 7 [tujuh] ribu 1[satu] tan di *supplier* (pembekal) Kemamang [Kemaman]. Sekarang ni, 10 [sepuluh] ribu itu *supplier* (pembekal) kerajaan—swasta. Kalau *supplier* (pembekal) cina, agak-agak 14 [empat belas] ribu. Itu yang sekarang ni Pak Awi ambil upah. Boleh kalau nak buat, tapi kalau letak mahal-mahal orang tak buat pulok [pula].

MD : Setakat ni, apakah kenangan manis sepanjang berada dalam bidang kraf bot tradisional ini?

SA : Kenangan manisnya kita boleh buat hok [yang] mana yang rumit-rumit. Tradisi bot ni tidak pakai pelan. Contohnya, kita buat ni maknanya - orang yang buat kerja ni puas hati, tak ada masalah menghadap ombak, tak bocor. Dia buat kerja pula, hati tak merungut lah dengan masalah bot bocor lah itu lah. Alhamdulillah, dalam

masa 5 tahun sudah boleh balik modal. Yang itu kenangan manis, tumpang suka. Bukannya apa, bukan hok [yang] kita. Dah jadi yang orang dah. Dah orang tempah. Tak ada nama-nama yang tak comey [baik] lah. Kalau nak kata yang berlaku sikit-sikit tu ada lah, ada lah yang tak sempurna sikit-sikit biasalah tu. Sifat manusia kan.

MD : Apakah kejayaan yang paling besar sepanjang berada dalam bidang ini?

SA : Bidang bot ini, kejayaan paling besar ialah dengan petua. Apabila setiap tukang bot ini mendapat petua, Insyallah semua bot mereka boleh buat. Contohnya, perahu kolek, perahu payang, perahu sekoci, cuma hodoh atau cantik tak cantik itu hal lain lah janji dia boleh buat sebab ada petua. Perahu pinas, melainkan hok [yang] tu yang pelan, yang pelan hal lain lah. Cerita ni yang tradisi. Bot tradisi ganu [Terengganu] yang ada, perahu payang yang belum pakai enjin lagi. Zaman-zaman dulu pakai layar. Perahu kolek, perahu sekoci, perahu bedar. Perahu setok digunakan dalam sungai dengan menggunakan dayung pada zaman dahulu. Bermula dari Pulau Duyong pergi ke Kuala Berang pakai kayuh [rakit] pun ada. Macam yang laut ini perahu payang, sekoci, bedar. *Last* (akhir) sekali, yang __ __ potong yang paling istimewa sekali buat masa hari ini. Yang selesa macam Pak Awi cerita tadi. Itulah keistimewaan orang-orang yang kerja dilaut.

MD : Apa petua-petua Pak Awi?

SA : Petua apa tu?

MD : Petua dalam pembuatan bot.

SA : Petuanya ialah kemahiran. Kalau kemahiran tidak ada petua, maknanya tak jadi lah. Kemahiran lah yang kita nak tu.

MD : Apakah pendapat Pak Awi tentang perkembangan bidang kraf bot tradisional sekarang?

SA : Sekarang ni kurang sikit lah. Tak macam lepas-lepas dah, kurang tempahan. Sebab apa, banyak keluaran luar. Thailand banyak buat, yang China buat. Dulu khas untuk orang-orang Melayu Pulau Duyong ini kebanyakannya. Sekarang ni banyak pecah [tempat], kadang-kadang dibuat di sempadan Thailand-Kelantan, Tok Bali pun ada. Kalau yang nak deras [cepat] boleh buat kerja, dia beli yang pakai dah tu. Sebab tu sekarang ni kurang tempahan. Dang pulok [tambahan pula] kerja yang dibuat oleh Melayu Pulau Duyong ini rumit sikit sebab beralun. Makan masa lama.

MD : Pada pandangan Pak Awi apakah prospek bidang kraf bot tradisional di Malaysia terjamin di masa akan datang?

SA : Memang terjamin. Tapi masalahnya bila tak ada tempahan. Kalau tiap-tiap orang tempah memang terjamin lah. Jamin benda tu boleh buat kerja macam itu. Jaminan tempahan terbanyak tu, taktau lah. Tengok keadaan semasa ni. Dang pulok [tambahan pula], kayu chengal hok [yang] payah. Sebab bot sekarang ni

pakai chengal, ni gaji 10 [sepuluh] ribu, kekgi [selepas ini] 16 [enam belas] ribu dah ni. Tak ada harga turun. Kebanyakan begitu.

MD : Pada pendapat Pak Awi apakah kesan atau cabaran berada dalam bidang kraf bot tradisional ini?

SA : Pada masa akan datang, saya rasa kalau tidak ada pelapis memang akan pupus lah. Ini yang Pak Awi bimbang. Melainkan , kalau ada pihak kerajaan buat satu kelas. Tapi macam Pak Awi kata tadi lah, nak belajar kena ada projek. Ada projek baru boleh ajar budak-budak pelapis. Projek nak buat apa, bot kayu atau bot fiber. Yang untuk perlawanan pun ada. Kebanyakan begitulah. Tokleh [tak boleh] kayu buat fiber. Kalau besi payah sikit. Kebanyakan fiber. Bot nelayan pun buat pakai fiber pun ada dah. Bot nelayan yang besar-besar ada dah pakai fiber. Tapi buat masa ini kayu boleh lagi, kos mahal sikit lah.

MD : Apakah langkah yang boleh diambil untuk menangani isu tersebut?

SA : Langkah-langkah yang kita nak ambil, - macam mana nak kata - nak kata projek. Kalau projek tak ada, nak buat macam mana (ketawa). Makna gitu [begitulah]. Semua Pak Awi letok [letak] gini [begini] lah, kerajaan kena betul balik, kaji balik supaya ada kelas untuk buat perkapalan. Kalau nak maju kena ___ macam kapal layar orang putih duk buat. Yang tu memang rumit lah.

MD : Adakah Pak Awi pernah mewakili negara dalam apa-apa pertandingan yang berkaitan dengan bidang kraf bot tradisional ini?

SA : Tak ada (ketawa). Terlibat dengan pembuatan bot di dalam kampung sahaja, dalam Malaysia. Cuma buat yang seperti di dalam gambar. Bot pelancong pun ada.

MD : Kalau dari segi tempahan bot tu - dari segi tempahan bot tu negara yang paling banyak tempah?

SA : Dalaman lah. Dalam negara. Macam di Terengganu, Kelantan, Pahang, Johor. 3 [tiga] buah negeri tu sahaja lah. Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor. 4 [empat] buah negeri yang selalu Pak Awi buat lah.

MD : Apakah matlamat yang Pak Awi ingin capai di sepanjang penglibatan dalam bidang bot ini?

SA : Matlamat macam mana. Matlamat ni [ini] kira-kira, kalau macam doktor berjaya begitulah.

MD : Bagaimanakah cara pembuatan bot yang Pak Awi sedang jalankan?

SA : Buat bot tradisi ni [ini] kalau nak cerita memang rumit sikit lah. Mula-mula dipanggil lunas. *Start* (mula) lunas dulu selepas tu [itu], selepas lunas dipanggil peninggi, selepas tu [itu] hok [yang] duduk belakang pula dipanggil boya belakang, boya berdiri. Banyak nama. Atas bawah motor tu banyak nama. Selepas tu [itu] papan, dipanggil timba, lepas tu bubuh [letak] kong. Siapkan, bersihkan. Kalau nak cerita memang banyak lah. Nama-nama nak siapkan atas bawah motor tadi.

MD : Apakah jenis-jenis bot yang pernah Pak Awi bina setakat ini?

SA : Kebanyakan tradisi nelayan ini buat masa ini lah, hok [yang] istimewa hok [yang] pekerja-pekerja nelayan ini bot ____. Jenis _____. Selain pada tu tak ada lah. Hok [yang] *last* [akhir] sekali rasa-rasalah makna tak ada kelebihan selain daripada _____. Makna selesa, pukut sekejap [mudah pukut], selesa, pancing selesa, bubu selesa, pukut tunda selesa, makna gitu [begitulah]. Tak ada dah jenis ini. Macam dulu belajar sekoci lepas itu tak jadi dah. Tak berapa selesa duduk di laut. Ada goyang (ketawa). Makna gitu [begitulah].

MD : Apakah jenis-jenis peralatan yang digunakan semasa membuat bot?

SA : Dulu hok [yang] mula-mula Pak Awi buat dulu, ketam kayu masa tu tak ada peralatan mesin. Guna reng [kekuatan], guna tangan. Nak korek dipanggil gerudi. Nak korek hok [yang] kasar sikit panggil _____. Mata buat sendiri. Sekarang ni dah ada peralatan canggih, ketam macam-macam jenama. Ikut kita nak pilih la. Nak jenama Makita ke, nak pilih Bosch ke. Macam-macam. Dang pulok [tambahan pula], buat bot ini peralatan kecil-kecil sahaja bukan besar-besar. Untuk kita pegang di tangan. Kalau nak besar-besar, nak ketam mesin nak ____ tu kita upah di kedai pula. Tak guna mesin-mesin besar. *Drill* (gerudi) itu sahaja lah.

MD : Soalan seterusnya, apakah keistimewaan yang perlu ada dalam diri untuk menyiapkan kraf bot tradisional ini?

SA : Kemahiran istimewa ini, macam Pak Awi kata tadi lah. Ada petua. Rahsia petua. Sesetengah tukang, kadang-kadang awok-awok dia buat kerja _____ dia beloh

[potong]. Dia tak kabo [beritahu] beloh [potong] gini-gini [begini]. Cuma dia suruh gaji [gergaji]. Rahsia dia tak bagi tahu. Petua tu atas dia suruh buat ini dia tak beritahu. Mu [kamu] gini [begini], mu [kamu] ketam sini. Jadi kalau kita perhati, kalau kita perhati macam mana tukang tak bagi aku buat ni [ini]. Dia tak bagi. Dia tak kabo [beritahu] rahsia hok [yang] ada _ _ _ itu. Cuma dia kabo [beritahu] mu [kamu] kerat lah, mu [kamu] ketam lah, mu [kamu] korek lah. Itu sahaja. Lepas itu, kita yang nak kena perhati. Itu tradisi. Kalau faham tradisi, InsyAllah boleh buat. Ini petua dia. Petua nak mula-mula *start* (mula) tu, ada bahagian. Lunas dipanggil. Bahagi 3 [tiga]. Lepas tu, nak pendek hok [yang] belakang. Adik-adik tak faham benda gitu [begini] (ketawa). Makna lain _ _ _ . Sebab itu, kalau _ _ orang buat motor [bot] ni boleh buat rumah, rumah buat rumah tak boleh buat motor [bot]. Nak cerita ini pun dah pening dah. Tak buat lagi. Dah dengar cerita pun dah pening kepala dah. Tak tengok buat lagi. Sebab tu, nak boleh atas sebuah motor [bot] ni, atas [dalam] kepala tukang dia dah ada dalam kepala dia *start* [mula] dari mula-mula. Pasang nombor 1 [satu], nombor 2 [dua] sampai ke-20 [dua puluh] lebih. Erti kata macam doktor pakar lah. Makna atas penyakit pesakit ini dia lebih tahu seolah-olah itulah ibaratnya. Doktor pakar lah, doktor baru tak lagi. Tukang bot yang baru-baru, dia buat sahaja. Dia kerja buat sahaja. Tapi masalah _ _ _ . Masalah duduk senget dalam air, duduk menyembam makna gitu [begini]. Kalau rendam lama nampak. Kipas 1 [satu] inci kena bot gini [begini], kipas 50 [lima puluh] inci kena bot gini [begini], pancing kena bot gini [begini], nak muat banyak kena buat perut banyak sikit. Nak buat laju, kena kempiskan perut. Dia lain-lain. Macam kapal terbang lah, jenis kargo

lain, laju lain. Itulah kelebihan bot tradisi Terengganu. Dang pulok [tambahan pula] dia tak pakai pelan. Nak pakai pelan guane [macam mana], pakcik-pakcik zaman dahulu, orang-orang tua dahulu tak pandai baca buat bot ni. Tak pandai baca, buta huruf. Tapi dia boleh buat bot.

MD : Okay (baiklah) Pak Awi, soalan seterusnya. Pada pendapat Pak Awi, adakah Malaysia ini masih kekurangan tenaga pakar dalam bidang kraf bot tradisional?

SA : Ya, memang. Rasa-rasa buat masa ini orang Melayu kebanyakan dah kurang. Sebab tu, kebanyakan _____. Dia beli hok [yang] China buat ataupun Thailand buat. Masalah _____ buatan Melayu, masalah nak buat bukan apa. Kos mahal. Sebab tu, kebanyakan nelayan-nelayan beli hok [yang] siap dah. Kalau __ beli _ hok [yang] baru, beli hok [yang] *secondhand* (barang terpakai) 300 [tiga ratus] ribu. Beli hok [yang] di China _____. Kebanyakkan begitulah. Sebab itu tukang hok [yang] bot-bot di ganu [Terengganu] ini kurang. Tapi ada juga, jarang-jarang. Tak macam dahulu.

MD : Apakah perasaan Pak Awi selepas dapat melaksanakan sesebuah kraf bot tradisional dengan jayanya?

SA : Syukur kepada Allah taala. Dah bagi ilmu sikit, supaya kita dapat didik anak-anak _____ . Dia begini, walaupun tak ada hok [yang] baru, kita boleh baiki hok [yang] buruk. Nak hok [yang] baru sokmo [selalu] mana boleh. _ _ _

_secondhand-secondhand [barang terpakai] etep [juga]. Tapi masalah orang Melayu kita, _____ banyak berfoya-foya, malas tu.

MD : **Daripada sebuah projek yang Pak Awi pernah buat, apakah pengalaman Pak Awi yang paling Pak Awi tak pernah lupa?**

SA : Kadang-kadang benda ni [ini], lari sikit. Senget pun ada sikit. Hok [yang] tu lah pengalamannya. Tapi kalau kerja ramai, kita harapkan kat tukang. Katakanlah buat 3 [tiga] buah, Pak Awi jaga hok [yang] ni sebuah, hok [yang] ni jaga sebuah. Seseengah tu, ada hok [yang] kurang jaga ni turun air ada juga yang senget-senget sikit. Ada, bukan tak ada. Tapi di situ lah kita kena jaga, beringat balik tu. Hok [yang] tu kelemahan kita. Kita ada sifat lemah. Biasa lah. Makna [contoh] aku hari ni nak buat cukup-cukup comel [elok], nak buat bagi comel [elok]. Tapi tak boleh. Masalah kita lain, masalah anak lain (ketawa). Begitu. InsyAllah kalau kita jaga, sempurna. Ada lah sikit-skit tu. Bukan kata sempurna belaka, tak.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: KERJAYA TERKINI

SMA : Siapakah idola Pak Awi dari dahulu sehingga kini?

SA : Dia idola ni macam tukang la, orang tukang, makna kita tengok, kita biasa kerja dengan dia, makna dia beralus, [teliti] kita nak ikot cara dia. Makna macam Haji loh hok dok segor tu [yang tak sihat itu] makna dia buat motor [bot] mat saleh [orang asing]. Makna kita minat, “makna aku nak buat gok etek [nak buat juga]”. Dan pulak [juga] kita nak ikot [ikut] sampai kita boleh buat jangan kita tak leh [tak boleh] buat kalau ikut, sampai kita berjaya ha makna gitu[macam itu].

SMA : Seterusnya mengapakah Pak Awi memilih idola tersebut sebagai perangsang kepada kejayaan Pak Awi sekarang?

SA : Yea [ia] makna idola yang saya sebut, yang saya kata sakni [tadi], makna kita kalau [kalau] boleh bukang [bukan] setakat Pak Awi saje [sahaja], Makna biar berpanjangan biar boleh didik anak-anak kita bila [sampai] anak-anak kita didik pada anak-anak dia pulok [pula] jadi gitu [macam itu]. Jika tidak jadi putus . Kalau tak didik macam tu makna akan kiannya pupus la. Makna gitu [macam itu].

SMA : Apakah pekerjaan Pak Awi sekarang?

SA : Yea [ia] buat masa ni [ini] Pak Awi buat kerja lagi umur-umur [umur] 60 lebih pung [pun]. Cuma dalam buat kerja ni, orang terengganu panggil takboh nebeng [taknak bersungguh] sangat la. Cuma nak didik anak-anak sambil-sambil nak tengok [lihat] anak cucu. Ha tu jela. [itu sahaja].

SMA : Dimanakah Pak Awi berkerja sekarang?

SA : Sekarang ni yea [ia] - sekarang ni kerja bengkel lagi la di Pulau Duyong ni [ini],
di tempat asal lagi la.

SMA : Adakah Pak Awi dikurniakan sebarang anugerah dalam bidang kraf bot tradisional ini?

SA : Takdok [tiada]. Walaupun kita [saya], Pak Awi buat bot nelayan, makna [maksudnya] buat bot nelayan ni takdok [tiada] orang nak bagi pangkat datuk ke apa (ketawa). Tak apela tu [tak mengapa la].

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: PESANAN DAN HARAPAN

SMA : Apakah impian Pak Awi terhadap pembangunan bidang kraf bot tradisional untuk kemajuan Negara?

SA : Cuma nok mitok gini la [berhasrat] bagi pihak yang berkenaan, makna dia perihatin sikit bekenaan bot tradisional ni. Dan pula kalau tidak ada bot tradisi makna [maka] pelawat-pelawat takdok [tiada] la. kalu padu [kalau ikutkan] mat-salleh [pelancong asing] hari-hari mari [datang] nak tengok [melihat] bot tradisi ni. Hok bot tradisi di terengganu hok [bot tradisi di terengganu] ni. Pasal ape [sebab apa] yang pelik sangat tradisi. Pasal ape [sebab apa] bot hok kita buat di terengganu ni, hok [yang] tradisi orang melayu ni tidak pakai pelan, tidak pakai pelan. Jadi mat-salleh walaupun pernah Pak Awi buat dekat 100 kaki, 80 kaki lebih tak pakai pelan pun. Jadi hok mat salleh dia kagum sakni [tadi] dia tengok [lihat] pasal apa [sebab apa], dia tanya pelan, mana pelan hok mu [kamu] buat. Pelan mana ada pelan dah kita tak pakai pelan. Dah pelan mu [kamu] dok mane katenye dia tanya, dia tanya Pak Awi, ada dwi bahasa lah. Pahtu [dah ada] dalam pale otak [kepala otak], pahtu dia kata eh mane boleh gini, aku buat bot, buat kapal, buat model dulu, macam model tadi (model bot yang ditunjukkan oleh Pak Awi). Dia buat model dulu pahtu dia buh [letak] dalam air, dalam air dia kocok-kocok [goncang-goncang] menjadikan ombak, rasa selesa dia besor [besarkan], besar 100 kaki, 200 kaki tu haruslah sebab pakai komputer ha makna gitu[macam itu]. Jadi tradisi hok Terengganu buat ni tak pakai tu [tidak menggunakan teknologi seperti itu] tak pakai pelan, tu yang dia hairan tu, sebab tu yang ape ni tiap-tiap pelancong hok mari melawat, hari-hari dalam seminggu, dua hari kadang-kadang tiap-tiap hari

mari. Pelancong antarabangsa mari. Maknanya bukan ape-ape pung [apa-apa pun] nak tengok cara kita buat. Nak kate maju tempat dia lagi maju. Tapi cara kita buat ni tak pakai pelan. Maknanya unik gitu. Tu jelah [itu saje la].

SMA : Apakah pesanan Pak Awi kepada bakal-bakal pencebur bidang kraf bot tradisional di luar sana?

SA : Cuma pesanan Pak Awi yang mana budak yang muda-muda yang ada kebolehan sikit ni, jangan buka sendiri lagi biar belajar [belajar] habis-habis dulu baru kita buka sendiri dok, kebanyakan sesetengah kita tak habis belajar, kalau tak pandai buat 100% [seratus peratus] kita buka sendiri jadi masalah, masalah tuan dia tak puas hati, masalah macam-macam la. Cuma kita mitok [minta] hok yang nak buka sendiri ni biar mahir 100% [seratus peratus], biar duduk dalam pale otak a[otak] start pada [mula] awal sampai ke akhir makna gitu. Jangan kita nak cari pitih je [duit saja] sedangkan kita tak boleh buat jangan gitu [seperti itu]. Cuma mitok [minta] biar ada pelapis baru itu je supaya di pulau duyong ni tidak ada pupus. Sebab dulu di pulau duyong ni ada 30 tempat, 30 kawasan, samada atap nipah, atap daun nyior [kelapa], atap zink macam bangsal Pak Awi kt luar tu, 30 lebih kurang. Sekarang ni tinggal satu, ada lah hok mane gitu lah. Ada yang hok baru buka, ada kawan baru buka tak apa lah biar lah, dia baru buat. Kita mintak gitu lah, mintak berjaya la, walaupun dah Pak Awi dah umur pencen 66 [enam puluh enam] tahun patut tak kerja dah dok [kan]. Kita mintak hok pelapis pulok[pula] nak teruskan. Itu jela.

SMA : Terima Kasih Pak Awi.

TAMAT BAHAGIAN 6

Demikian tadi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Shaffie bin Abdullah. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesediaan beliau dalam memberikan maklumat mengenai peristiwa yang belaku, semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang, sekian.

RUJUKAN

- Perusahaan membuat bot tradisional di Duyong (2010). Retrieved 20, November, 2014, from <http://trulyterengganu.blogspot.my/2010/07/perusahaan-membuat-bot-traditional-di.html>
- Radhuan Hussain (2010). *Keistimewaan kapal layar Haji Lah*. Retrieved 20, November, 2014, from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0604&pub=Utusan_Malaysia&sec=Timur&pg=wt_01.htm
- Shaffie Abdullah (2015). *Pembuat kraf bot tradisional Pulau Duyong*. Terengganu: Kuala Terengganu.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Temubual sejarah lisan yang dijalankan oleh **Muhammad Danial Bin Mohd Khalil** dan **Syed Mohd Aisar bin Syed Mokhlis** bersama Encik Shaffie bin Abdullah mengenai pengalaman dan sejarah pendidikan awal beliau sebagai seorang tokoh pembuat boat traditional .

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
0.13	Memberitahu nama penuh beliau	Shaffie Bin Abdullah
0.19	Alamat menetap beliau	
0.27	Nama panggilan	Pak Awi tukang bot
0.40	Nama penuh isteri beliau	
0.53	Negeri asal isteri beliau	Jitra, Kedah
1.02	Pekerjaan isteri beliau	Berniaga kecil-kecilan
1.16	Tahun beliau dilahirkan	
1.25	Tempat beliau dilahirkan	Pulau Duyong
1.30	Tempat beliau dibesarkan	Pulau Duyong
1.40	Menceritakan bilangan adik-beradik beliau	Anak ke-6 (bongsu)
1.48	Nama penuh ibu beliau	

1.54	Nama penuh ayah beliau	.
2.00	Bilangan adik-beradik beliau	6 orang adik-beradik
2.10	Bilangan cahaya mata beliau	8 orang
2.18	Umur anak sulung beliau	30-an
2.25	Umur anak bongsu beliau	18 tahun
2.35	Tahap pendidikan anak-anak beliau	
3.31	Hobi beliau sewaktu masa lapang	
3.56	Cara beliau mendidik anak-anak sehingga berjaya	
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN AWAL		
0.08	Sekolah rendah	Sekolah Rendah Pulau Duyong
0.16	Sekolah menengah	Sekolah Menengah Sultan Sulaiman
0.32	Suasana pembelajaran	Sekolah rendah
1.36	Alhamdulillah anak-anak ada yang berjaya	Rumah
2.21	Balik bekerja dengan ayah buat bot dan jadi nelayan	Pulau Duyong, Laut
BAHAGIAN 3: SEJARAH PEKERJAAN AWAL		
1.26	Meminati bidang pertukangan bot tradisional	Pulau Duyong

1.39	Dalam masa 40 tahun.	Bengkel bot milik En Shaffie bin Abdullah
1.57	Membantu pelancong dan pelajar	Pelancong pelajar
2.32	Mewarisi daripada ayah	Hj Abdullah
3.20	Bergiat dalam umur 25 tahun	Tukang kraf bot tradisional
4.22	Dorongan ayah menjadi faktor	Hj Abdullah
4.39	Minat sejak kecil.	Hulu sungai

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN DALAM BIDANG KRAF BOT TRADISIONAL

0.15	Menceritakan detik beliau mula berjinak dalam bidang ini	Abdullah Bin Embung
1.18	Kursus kraf bot tradisional	
4.12	Projek yang sedang dijalankan	
4.39	Tugas yang paling berat dan mencabar	
6.22	Kenangan manis sepanjang berada dalam bidang tersebut	
7.50	Kejayaan besar beliau	
9.38	Petua beliau dalam pembuatan bot	
10.04	Pendapat beliau tentang perkembangan bidang tersebut	
11.11	Pandangan beliau terhadap prospek bidang tersebut	

12.10	Pendapat beliau mengenai kesan atau cabaran dalam bidang tersebut	
13.22	Langkah untuk menangani isu tersebut	
15.21	Tempahan yang diterima beliau	
15.56	Matlamat yang beliau ingin capai	
16.25	Cara pembuatan bot	
17.24	Jenis bot yang pernah dibina beliau	
18.20	Peralatan yang digunakan	
19.28	Keistimewaan yang perlu ada dalm diri	
22.50	Pendapat beliau tentang tenaga pakar di Malaysia	
23.49	Perasaan beliau selepas menyiapkan projek	
24.43	Pengalaman yang tak dapat beliau lupakan	

BAHAGIAN 5: KERJAYA TERKINI

0.12	Menjadikan Ayah dan tukang bot sebagai idola	Hj Abdullah bin Muda(paklah)
1.10	Mahu ilmu pertukangan bot tradisional diwarisi	Anak-anak generasi baru
1.35	Masih bekerja walaupun sudah berumur	Tukang kraf bot tradisional
1.59	Bekerja di bengkel bot milik sendiri	Pulau duyong, Kampung Duyong Besar

2.20	Tiada penerangan yang diterima	Agensi kerajaan
BAHAGIAN 6: PESANAN DAN HARAPAN		
0.13	Berhasrat kepada pihak berkenaan agar memberi perhatian kepada seni warisan bot tradisional	Pihak berkuasa, Kerajaan
0.24	Pelawat akan bekurangan jika bot tradisional berkurangan	Pulau Duyong, Terengganu
0.35	Keunikan bot tradisional	Pulau duyong, Tukang bot
2.09	Mahu bakat baru yang ingin memulakan perniagaan agar mendapatkan ilmu yang secukupnya sebelum memulakan	Pewaris baru, Orang muda
2.40	Berhasrat pelapis baru lebih ramai	Pewaris baru, Orang muda, Pulau duyong

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 pagi	4 Nov 2015	<p>Panggilan pertama:</p> <p>Panggilan pertama di lakukan untuk mengenal pasti tokoh yang kami pilih adalah tepat. dan meminta kebenaran untuk ditemubual</p>	<p>Mencatat maklumat yang diberikan, sebagai contoh alamat,</p>
4.00 petang	5 Nov 2015	<p>Panggilan kedua:</p> <p>Panggilan kedua di lakukan bagi mengesahkan tarikh untuk perjumpaan yang pertama</p>	<p>Mendapat pengesahan tarikh dari tokoh tersebut</p>
11.00 pagi	6 Nov 2015	<p>Perjumpaan pertama bersama tokoh:</p> <p>Perjumpaan berlaku di bangkel bot tokoh bertujuan untuk mengenali tokoh bagi peringkat awal</p>	<p>Catatan awal dilakukan bagi mengambil butiran peribadi tokoh</p>
10.00 pagi	8 Nov 2015	<p>Perjumpaan kedua bersama tokoh:</p> <p>Perjumpaan berlaku juga di bangkel bot tokoh yang bertujuan untuk</p>	<p>Memberikan surat dan berbincang dengan tokoh</p>

		menghantar surat permohonan untuk melakukan kajian yang dikeluarkan oleh UiTM	mengenai tarikh untuk membuat temubual
8.00 pagi	16 Nov 2015	Bertolak dari UiTM Machang ke Pulau Duyong, Terengganu bagi meneruskan kajian dan temubual.	Perjalan mengambil masa dua jam setengah.
10.30 pagi	16 Nov 2015	Tiba di Kuala Terengganu dan bersarapan pagi	Berehat
11.30 pagi	16 Nov 2015	Tiba di pekarangan bangkel tokoh. Dan terus bergerak ke kediaman tokoh untuk memulakan sesi temubual bersama tokoh.	Mengambil gambar untuk dijadikan bahan rujukan. Mencatat dan merakam segala perbualan bersama tokoh
2.00 petang	16 Nov 2015	Bergerak pulang ke UiTM machang selepas selesai sesi temubual bersama tokoh.	Menamatkan sesi temubual

SENARAI SOALAN

RANGKA SOALAN TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAFFIE BIN ABDULLAH

Pengenalan Awal Latarbelakang

1. Apakah nama penuh Encik?
2. Apakah nama gelaran / timangan / glamour Encik?
3. Apakah nama penuh isteri Encik?
4. Isteri Encik berasal dari mana?
5. Apakah pekerjaan isteri Encik?
6. Bilakah Encik dilahirkan?
7. Dimanakah Encik dilahirkan?
8. Dimanakah Encik dibesarkan?
9. Encik anak yang ke berapa?
10. Siapakah nama ibu Encik?
11. Siapakah nama ayah Encik?
12. Berapa orang adik-beradik Encik?
13. Encik dikurniakan berapa orang cahaya mata?
14. Berapakah umur mereka?
15. Apakah tahap pendidikan mereka?
16. Apakah hobi Encik sekiranya terdapat masa yang terluang?
17. Apakah petua Encik dalam mendidik anak-anak sehingga berjaya dalam hidup mereka?

Sejarah Pendidikan

18. Dimanakah Encik bersekolah rendah?
19. Dimanakah Encik bersekolah menengah?
20. Apakah susasana pembelajaran ketika itu?
21. Bagaimana sistem pendidikan ketika itu?
22. Dimanakah Encik menyambung pengajian setelah tamat peringkat menengah?
23. Apakah kenangan manis yang tidak dapat Encik lupakan di sepanjang pengajian?

Sejarah Pekerjaan Awal

24. Apakah pekerjaan awal Encik setelah tamat pengajian?
25. Berapa lamakah Encik bekerja di situ? [*untuk pekerjaan awal*]
26. Apakah sumbangan Encik di sepanjang berkhidmat pada waktu tersebut? [*untuk pekerjaan awal*]
27. Mengapakah Encik berminat untuk menceburi bidang tersebut sebagai pekerjaan Encik?
[*untuk pekerjaan awal*]
28. Bilakah Encik mula bergiat aktif dalam bidang kraf bot tradisional?
29. Apakah faktor yang mendorong Encik untuk bergiat dalam bidang kraf bot tradisional?
30. Mengapakah Encik berminat untuk mendalami bidang kraf bot tradisional?

Pengalaman Dalam Bidang Kraf Bot Tradisional

31. Bilakah Encik mula berjinak dalam bidang kraf bot tradisional ini?
32. Adakah Encik menyediakan kursus kraf bot tradisional untuk sesiapa yang berminat?
33. Adakah kesemua kursus tersebut mendapat perhatian umum dan berbaloi dengan hasil usaha Encik?

34. Adakah terdapat sebarang projek yang Encik jalankan di sepanjang tempoh terdekat ini?
35. Apakah tugas yang paling berat dan mencabar bagi Encik sepanjang berada dalam bidang kraf bot tradisional?
36. Apakah kenangan manis di sepanjang berada dalam bidang kraf bot tradisional?
37. Apakah kejayaan yang paling besar di sepanjang berada dalam bidang kraf bot tradisional?
38. Apakah pendapat Encik terhadap perkembangan bidang kraf bot tradisional?
39. Pada pandangan Encik, adakah prospek bidang kraf bot tradisional di Malaysia terjamin di masa akan datang?
40. Pada pendapat Encik, apakah kesan atau cabaran berada dalam bidang kraf bot tradisional?
41. Apakah langkah yang boleh diambil oleh untuk menangani isu tersebut?
42. Adakah Encik pernah mewakili negara dalam apa-apa pertandingan yang berkaitan dengan bidang kraf bot tradisional?
43. Dari segi tempahan, negara mana yang paling banyak membuat tempahan?
44. Apakah matlamat yang Encik ingin capai di sepanjang penglibatan dalam bidang kraf bot tradisional?
45. Bagaimanakah cara pembuatan bot yang sedang Encik jalankan?
46. Apakah jenis-jenis bot yang Encik pernah bina setakat ini?
47. Apakah jenis-jenis peralatan yang digunakan untuk membina bot?
48. Apakah keistimewaan yang perlu ada dalam diri sebagai pembuat kraf bot tradisional?
49. Apakah cabaran utama semasa Encik ingin menyudahkan projek kraf bot tradisional?
50. Apakah kemahiran istimewa yang perlu ada dalam diri untuk menyiapkan kraf bot tradisional?
51. Pada pendapat Encik, adakah Malaysia masih kekurangan tenaga pakar dalam bidang kraf bot tradisional?

52. Apakah perasaan Encik selepas dapat melaksanakan sesebuah kraf bot tradisional dengan jayanya?
53. Daripada sesebuah projek kraf bot tradisional terbabit apakah pengalaman yang paling tidak dapat Encik lupakan?

Kerjaya Terkini Encik

54. Siapakah idola Encik dari dahulu sehingga kini?
55. Mengapakah Encik memilih idola tersebut sebagai perangsang kepada kejayaan Encik sekarang?
56. Apakah pekerjaan Encik sekarang?
57. Dimanakah Encik bekerja sekarang?
58. Adakah Encik dikurniakan sebarang anugerah dalam bidang kraf bot tradisional ini?

Pesanan dan Harapan Encik

59. Apakah impian Encik terhadap pembangunan bidang kraf bot tradisional untuk kemajuan Negara?
60. Apakah pesanan Encik kepada bakal-bakal pencebur bidang kraf bot tradisional di luar sana?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Shaffie Bin Abdullah Pada 16/11/2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 16/11/2015 (tarikh). Dipersetujui pada 16/11/2015 oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (Tokoh)

.....
Dr. Mohd Nasir Ismail,

Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
& Fakulti Undang-Undang
UiTM Cawangan Kelantan
Kampus Machang

GAMBAR





Indeks

A

Abdullah Bin Embung.....	3,28,29
Anang	3
Azizah Binti Salleh.....	2,27

B

bongsu.....	2,3,27,28
bot.....	13,17,23
bedar	13
boya	16
Bosch	17

C

China.....	14,19
chengal.....	14,15

D

Duyong Besar	1,27,30
--------------------	---------

F

Fauziah Binti Deris.....	2,27
fiber.....	15

H

Haji Lah.....	10
---------------	----

J

Johor.....	16
Jabatan Kebajikan Masyarakat	3

K

Kedah	2,27
ketam.....	10,17,18
Kemaman	12
Kuala Berang	13
kerajaan.....	3,12,15
Kelantan	14,16

L

<i>Last</i>	13,17
lunas	16,18

M

Maritim	3
Melayu	14,19,20,23
motor.....	1,16,18,21
Makita	17

N

nama.....	2,11,16
-----------	---------

O

<i>order</i>	8
--------------------	---

P

Pulau Duyong	13,14,22,24
pinas.....	13
pasok.....	10
pelan	8,12,13,16
perahu	13
Pahang	16

S

Shaffie Bin Abdullah.....	1
sekoci	13,17
<i>supplier</i>	12
<i>secondhand</i>	19,20

T

Thailand.....	14,19
Tok Bali.....	14
Terengganu	1,13,16,19
tradisi	8,9,10,12

6/11

127	Transkrip Wawancara Bersama Haji Seman Bin Haji Husin Bilal Masjid Kampung Chasing	/ 2004/3		
128	Transkrip Temubual Bersama Lukman Nur Hakim (Ayah Man) Cucu Tok Kenali			
129	Transkrip Wawancara Bersama Encik Ramli Bin Muhammad Pewaris Tuk Janggut	/		
130	Transkrip Wawancara Bersama Matleh Bin Yaakob Lagenda Disebalik Gunung Reng	/		
131	Transkrip Wawancara Bersama Nik Mahadi Nik Hassan Ketua Penyiaran Tv Al-Hijrah Kelantan	/		
132	Transkrip Wawancara Bersama Encik Norhaiza Bin Noordin Tokoh Aduguru Seni Ukiran Halus			
133	Transkrip Wawancara Bersama Encik Shaffie Bin Abdullah Pembuat Kraf Bot Tradisional Pulau Duyong	/		
134	Temubual Bersama Dato' Dr Hj Zainuddin Bin Hj Ibrahim	/		
135	Transkrip Wawancara Bersama Encik Haji Kamaruzzaman Bin Haji Mohd Salleh	/		
136	Temubual Bersama Encik Ruzely Bin Abdullah Jurugambar Kelantan	/		
137	Transkrip Wawancara Bersama Encik Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusoff Pertukangan Perak	/		
138	Transkrip Wawancara Bersama Encik Md Ghani Bin Mat Tokoh Adiguru Pertukangan Blok Batik	/		
139	Temubual Bersama Haji Ir Ghazali Bin Hashim	/		
2017				
140	Transkrip Temubual Bersama Tengku Ali Bin Hassan Cerita Awang Lutung	/		
141	Transkrip Temubual Bersama Puan Rohani Bt Mohd Zaini Mak Yong: Moden Dan Tradisional			
142	Transkrip Temubual Bersama Encik Khali Bin Mohd Nor Mengenai Sejarah Tok Kadok			
143	Transkrip Wawancara Bersama Che Mud Bin Che Awang Kg. Bunohan: Misteri Kg. Bunohan			
144	Transkrip Temubual Bersama Ramli Bin Mohamad Kisah Kematian Tok Janggut			
145	Transkrip Wawancara Bersama Puan Naziah Binti Awang Puteri Saadong: Pengorbanan Seorang Wanita			
146	Transkrip Wawancara Bersama Ismail Bin Idris Adakah Puteri Saadong Adalah Mayang Sari?	/		
147	Transkrip Wawancara Bersama Encik Ramli Bin Mahmood Perubatan Tradisional : Main Puteri	/		
148	Transkrip Wawancara Temubual Bersama Abdul Rahman Bin Abdullah Dikir Labo : Kebenaran Disebalik Dikir Labo			
149	Transkrip Wawancara Temubual Bersama Encik Mohamad Nizam Bin Osman Warisan Kesenian Wayang Kulit Kelantan	/		
150	Transkrip Temubual Bersama Tuan Guru Haji Lokman Bin Haji Ahmada Makrifat Tok Kenali	/		
151	Transkrip Temubual Bersama Haji Wan Yusoff Bin Haji Wan Sulaiman Dato Panglima Perang Lundang	/		

6